

Zuraida mahu rakyat tukar sampah jadi duit

Bernama | Diterbitkan 3 Nov 2019, 3:36 petang

Dasar Kebersihan Negara perlu bermula dengan rakyat yang bertanggungjawab memastikan kebersihan kawasan sekitar dijaga dengan baik, Kata Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, dasar itu dilancar bagi memastikan semua jenis sampah dan pengurusan pelupusan di negara ini diurus dengan cara yang baik agar negara ini lebih sejahtera, bersih dan nyaman.

"Dasar Kebersihan Negara ini juga memberi tumpuan kepada program kitar semula yang mana kita hendak penduduk di PPR Tehel ini menjadikan sampah sebagai sumber pendapatan tambahan iaitu 'Trash to cash'.

"Ketika ini KPKT mengadakan program 'Trash To Cash' di seluruh negara yang akan dilancarkan di enam tempat termasuk di Melaka bagi membimbing penduduk agar menjadikan sampah kepada duit dan sumber pendapatan," katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Dasar Kebersihan Negara sempena Hari Habitat Sedunia 2019 peringkat Malaysia dan Hari Kitar Semula Kebangsaan di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Tehel Melaka hari ini.

Majlis itu dirasmikan oleh Ketua Menteri Melaka, Adly Zahari, yang turut dihadiri oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah dan Setiausaha KPKT, Datuk Seri Mohammad Mentek.

Zuraida memberitahu sidang media, pihaknya tidak mampu menjalankan Dasar Kebersihan Negara secara bersendirian dan ia memerlukan sokongan dan kerjasama daripada rakyat.

"Saya rasa tidak mungkin kita sendiri boleh buat tanpa sokongan daripada rakyat, sebab itu tadi kita baharu lancarkan 'bumbung komuniti' dan persatuan penduduk kawasan ini agar mereka dapat menjadi ejen yang memastikan bahawa kawasan ini dapat dijaga dengan baik.

"Mereka akan diberikan taklimat dan sebagainya untuk memastikan kitaran semula di kawasan ini berjalan dengan lancar dan menjadi pemantau bagi memastikan penduduk di kawasan ini tidak membuang sampah merata-rata," katanya.